

# Cabaran Guru Bahasa Arab dalam Mengaplikasikan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang

## *Challenges for Arabic Teachers in Applying 21st Century Teaching and Learning in Pahang State Religious Secondary Schools*

Muhammad Ikhwan Rahmatan<sup>1</sup> & Mohammad Taufiq Abdul Ghani<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

### Article progress

Received: 17 November 2025

Accepted: 6 Februari 2026

Published: 31 May 2026

### \*Corresponding author:

Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia;  
Email: [taufiq@fbk.upsi.edu.my](mailto:taufiq@fbk.upsi.edu.my)

**Abstrak:** Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21 merupakan pendekatan penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan selaras dengan keperluan global semasa. Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab dalam mengaplikasikan PdP abad ke-21 di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes melibatkan 12 orang guru bahasa Arab yang dipilih melalui persampelan bertujuan, dan data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur serta dianalisis secara tematik menggunakan perisian Atlas.ti. Dapatan kajian menunjukkan tiga tema utama cabaran yang dihadapi guru, iaitu kekangan sumber dan bahan, masa dan beban tugas, serta fasiliti dan teknologi yang terhad. Kekurangan bahan pengajaran relevan, masa pengajaran yang singkat, beban kerja yang tinggi serta peralatan teknologi yang tidak mencukupi telah menjejaskan keupayaan guru melaksanakan PdP abad ke-21 secara optimum. Kesimpulannya, pelaksanaan PdP abad ke-21 dalam pengajaran bahasa Arab masih memerlukan sokongan yang lebih kukuh melibatkan penyediaan sumber, pengurusan masa, latihan profesional dan peningkatan infrastruktur supaya pendekatan ini dapat diterapkan secara lebih berkesan dan menyeluruh.

**Kata kunci:** Cabaran Guru Bahasa Arab, PAK21, Cabaran, Pengajaran dan Pembelajaran, Bahasa Arab, Sekolah Menengah Agama Negeri

**Abstract:** 21st century Teaching and Learning is an important approach in improving the quality of education in line with current global needs. This study aims to identify the challenges faced by Arabic language teachers in implementing 21st century learning in Pahang State Religious Secondary Schools. This study uses a qualitative approach with a case study design involving 12 Arabic language teachers who were selected through purposive sampling, and data was collected through semi-structured interviews and analyzed thematically using Atlas.ti software. The study findings show three main themes of challenges faced by teachers, namely resource and material constraints, time and workload, and limited facilities and technology. The lack of relevant teaching materials, short teaching time, high workload and insufficient technological equipment have affected teachers' ability to implement 21st century learning optimally. In conclusion, the implementation of 21st century learning in Arabic language teaching still requires stronger support involving the provision of resources, time management, professional training and infrastructure improvements so that this approach can be applied more effectively and comprehensively.

**Keywords:** Arabic Language Teacher Challenge, 21st century learning, Challenge, Teaching and Learning, Arabic Language, State Religious Secondary Schools

## Pengenalan

Dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi pada masa ini, sistem pendidikan di seluruh negara sedang melaksanakan transformasi yang sesuai bagi memenuhi tuntutan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Transformasi yang dimaksudkan ialah sebuah sistem pendidikan yang menekankan pembangunan kemahiran seperti pemikiran kritis, kreativiti, inovasi, kolaborasi, komunikasi dan sebagainya bagi melahirkan pelajar yang mempunyai daya saing di peringkat global (UNESCO, 2015; OECD, 2018). Selain itu, organisasi antarabangsa turut menekankan bahawa sistem pendidikan masa ini perlu lebih bersifat fleksibel, inklusif dan berorientasikan masa hadapan bagi menghadapi cabaran global pendidikan yang semakin kompleks (UNESCO, 2023). Di sisi yang lain, pendekatan PdP abad ke-21 juga dilihat sebagai aspek yang amat penting dalam pendidikan moden bagi memastikan kualiti pendidikan selari dengan perubahan global. Selaras dengan perkembangan pendidikan global ini, sistem pendidikan di Malaysia turut mengalami perubahan dan penambahbaikan berdasarkan dasar-dasar yang telah dibuat.

Secara umumnya dapat dikatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia semakin berkembang dari masa ke masa. Menurut kajian yang dijalankan oleh Amini et al. (2024) menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia masih sedang bergerak ke arah fleksibiliti dalam penilaian dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP) abad ke-21 secara mehyeluruh. Hal ini merupakan salah satu inisiatif *lifelong learning* iaitu pembelajaran sepanjang hayat yang mana proses seseorang pelajar terus belajar dan mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan sikap baharu sepanjang hayatnya. Hal ini bertepatan dengan salah satu aspirasi sistem pendidikan yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu meningkatkan akses pendidikan sepanjang hayat, pembelajaran fleksibel dan masyarakat berkemahiran serta berpengetahuan. Oleh itu, pengkaji melihat sistem ini sedang bergerak ke arah pendidikan yang lebih moden iaitu dengan cara merubah kaedah pengajaran guru kepada PdP abad ke-21.

Sehubungan dengan itu, pendidikan bahasa Arab di Malaysia juga haruslah seiring dengan perkembangan pendidikan semasa. Menurut kajian yang dijalankan oleh Razif Zaini et al. (2019) guru bahasa Arab masih berpegang kepada pendekatan tradisional dalam beberapa aspek pengajaran seperti hafalan, terjemahan dan menggunakan bahan bantu mengajar yang lama. Hal ini menunjukkan masih terdapat di sebahagian sekolah guru menggunakan pendekatan lama yang memberi gambaran bahawa tradisi pengajaran tradisional ini masih kuat dalam sistem pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Walaupun begitu, kajian yang dilakukan oleh Shalikin (2024) dalam dapatan kajiannya menyatakan bahawa guru-guru bahasa Arab menggunakan pendekatan pengajaran yang pelbagai, tidak hanya bergantung kepada cara tradisional. Hal ini termasuk integrasi teknologi dalam PdP yang merupakan salah satu unsur PdP abad ke-21. Oleh itu, PdP abad ke-21 dalam subjek bahasa Arab dilihat masih belum digunakan secara menyeluruh di setiap sekolah di Malaysia.

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa sistem pendidikan di Malaysia sedang melalui proses perubahan dan penambahbaikan supaya selaras dengan aspirasi pendidikan negara bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkualiti. Dengan sebab itu, pelaksanaan PdP abad ke-21 menjadi pemangkin utama ke arah transformasi pendidikan yang lebih moden dan seiring dengan perkembangan zaman. Seterusnya, dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pula, guru bahasa Arab perlu memanfaatkan PdP abad ke-21 kerana pendekatan ini membuka peluang untuk memperkukuh keberkesanan PdP serta memastikan pembelajaran bahasa Arab di ajar dengan cara yang berbeza dan lebih interaktif. Dalam mencapai perkara tersebut, guru-guru haruslah bersedia menghadapi apa jua cabaran dalam perlaksanaan PdP abad ke-21. Maka dengan sebab itu, pengkaji menjalankan kajian ini yang mana objektifnya adalah untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab khususnya di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21.

## Latar Belakang Kajian

Pada peringkat global, pembelajaran abad ke-21 ini telah dilaksanakan oleh beberapa negara luar seperti Amerika Syarikat, Finland, Singapura dan negara-negara maju yang lain (Amzah et al., 2024). Hal ini boleh dikesan melalui *The partnership of 21st Century Learning (P21)* yang dilaksanakan di negara Amerika Syarikat yang mengemukakan kerangka pengajaran dan pembelajaran kepada guru dalam menerapkan kemahiran pembelajaran abad ke-21 di dalam kelas (Amzah et al., 2024). Sistem pendidikan di negara luar lebih menekankan kemahiran yang dimiliki oleh individu untuk dikembangkan secara pesat di samping penggunaan alat bantu mengajar yang baik seperti teknologi dan sebagainya (Lim et al., 2024).

Begitu juga kita lihat sistem pendidikan di negara Finland yang juga berunsurkan pembelajaran abad ke-21. Menurut kajian yang dijalankan oleh Sahlberg (2011) sistem pendidikan Finland menekankan aspek pembelajaran abad ke-21 menyebabkan pelajar-pelajar di Finland sering cemerlang dalam penyelesaian masalah, berinovatif dan mempunyai pemikiran kritis. Pendidikan di Finland juga menekankan pembelajaran yang berpusatkan pelajar, kerja kolaboratif, dan mengurangkan ujian yang berlebihan (Sahlberg, 2011). Amalan ini menyokong pembangunan kemahiran asas yang mana ia penting untuk pelajar menghadapi dunia yang semakin mencabar. Maka dengan sebab itu, pendidik harus mengetahui cara pelajar belajar supaya apa yang ingin disampaikan tersebut berkesan (Abang Tar & Mahmud, 2021).

Dalam pada itu, pembelajaran abad ke-21 bukan sahaja berlaku di luar negara malah negara kita juga Malaysia telah mengaplikasikan pembelajaran abad ke-21 ini (Mailis, 2021). Pembelajaran abad ke-21 di Malaysia diperkenalkan secara rasmi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, yang dilancarkan pada tahun 2013 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. PPPM bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dengan mengintegrasikan kemahiran abad ke-21 seperti kreativiti, pemikiran kritis, komunikasi, dan kolaborasi ke dalam kurikulum kebangsaan. Pelan ini juga menyasarkan untuk memperkukuh penggunaan teknologi dalam pembelajaran, selaras dengan perkembangan global (KPM, 2013).

Apabila membahaskan tentang pembelajaran abad ke-21, negara Malaysia juga menghadapi beberapa cabaran utama. Menurut kajian yang dijalankan oleh Razaly (2019) menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyedari perubahan dan tuntutan ke arah bentuk pendidikan yang baharu, namun dari sudut perlaksanaannya masih belum jelas terutamanya dalam kalangan guru-guru. Perkara ini hendaklah diselesaikan dengan kadar yang segera kerana guru adalah individu yang akan melaksanakannya dalam PdP. Maka dengan sebab itu, para guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 (Mailis, 2021). Oleh itu, semua guru mata pelajaran perlu mempunyai tahap kesediaan yang tinggi sebelum melaksanakannya di dalam kelas (Razaly, 2019).

Dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 ini, sudah tentu mempunyai cabaran yang luar biasa. Hal ini demikian kerana disamping pengajaran dan pembelajaran yang bersifat kolaboratif, pembelajaran abad ke-21 juga menekankan aspek teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Mad Nordin et al., 2023). Kajian yang dijalankan oleh Khahro & Javed (2022) menyatakan bahawa cabaran yang terdapat dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 ini ialah integrasi teknologi dalam pendidikan. Menurut Khahro & Javed (2022), teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran membawa peluang baharu tetapi ia juga salah satu bentuk cabaran, terutamanya dalam memastikan guru dan pelajar mahir menggunakan teknologi ini dengan berkesan. Selain itu, akses dan infrastruktur kepada teknologi adalah tidak sama rata, terutama di kawasan pedalaman atau negara membangun, menyebabkan ketidakadilan dalam pendidikan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa cabaran pengintegrasian teknologi dalam pendidikan ini bukan hanya berlaku di dalam negara malah juga di luar negara (Razaly, 2019).

Di samping itu, Inani Mohd Saad et al. (2024) berpandangan bahawa amat perlu untuk melihat dari aspek pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran abad ke-21 itu sendiri. Hal ini demikian kerana pencapaian pendidikan sesebuah negara sering dikaitkan dengan cara atau kualiti dan amalan guru tersebut mengajar (Amzah et al., 2024). Jika seseorang guru tersebut tidak menguasai konsep pembelajaran abad ke-21 ini, proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas akan menjadi kurang sistematik dan tidak berkesan. Dalam erti kata lain, guru-guru perlu memperbaiki amalan pengajaran supaya amalan pembelajaran abad ke-21 dapat memberi kesan yang baik kepada para pelajar sekaligus meningkatkan pencapaian murid selaras dengan hasrat negara (Amzah et al., 2024). Natijahnya, guru memainkan peranan yang penting dalam memilih kaedah dan aktiviti yang sesuai bagi menjamin keberkesanan pembelajaran (Abang Tar & Mahmud, 2021).

Rumusan daripada latar belakang kajian ini, pengkaji berpandangan bahawa perlunya ada kajian mendalam terhadap cabaran dalam pelaksanaan PdP abad ke-21. Hal ini kerana dengan dapatan yang diperoleh dapat membantu pihak berkepentingan merangka strategi peningkatan yang lebih berkesan.

## **Metodologi**

Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Hal ini bagi mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab dalam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang. Reka bentuk kajian kes dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam tentang cabaran yang dihadapi oleh guru dalam konteks sebenar dan

memperoleh pemahaman yang menyeluruh terhadap fenomena yang dikaji. Populasi bagi kajian ini terdiri daripada semua guru yang mengajar matapelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang. Sampel pula terdiri daripada 12 orang guru bahasa Arab yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah protokol temubual separa berstruktur yang dirangka khusus untuk memperoleh dapatan kajian. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan jenis soalan terbuka untuk mendapatkan jawapan dan pandangan peserta kajian. Sebanyak 5 soalan utama dibangunkan oleh pengkaji untuk diajukan kepada peserta kajian. Pengkaji telah menemubual peserta kajian dalam tempoh masa antara 10 minit hingga 20 minit. Pengkaji juga telah merakam sesi temu bual tersebut menggunakan alat perakam suara sebagai bukti data kajian dan tujuan analisis. Data dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil dapatan dan analisis data digunakan bagi menulis perbincangan kajian. Perbincangan ini disusun dalam bentuk naratif yang lengkap dan terperinci mengikut tema-tema yang muncul daripada hasil analisis.

## Dapatan Kajian

Melalui temubual yang telah dijalankan bersama 12 orang guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang berkaitan cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21, hasil dapatan menunjukkan terdapat 3 tema yang telah diperolehi. Tema yang pertama ialah kekangan sumber dan bahan, tema yang kedua ialah masa dan beban tugas, tema yang ketiga ialah fasiliti dan teknologi. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian ini secara terperinci berdasarkan tema utama yang telah diperolehi.

### *Kekangan Sumber dan Bahan*

Terdapat dua subtema yang terhasil daripada tema kekangan sumber dan bahan ini iaitu bahan terhad dan dana terhad. Kedua-dua subtema ini membentuk cabaran bagi guru bahasa Arab di SMAN Pahang dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Pengkaji akan menghuraikan secara terperinci kesemua subtema ini melalui huraian di bawah.

Bagi subtema yang pertama iaitu bahan terhad, hasil dapatan menunjukkan guru bahasa Arab di SMAN Pahang menghadapi kekangan bahan yang sesuai dan mencukupi untuk melaksanakan PdP abad ke-21. Hal ini menyebabkan guru terpaksa menyediakan dan mencipta bahan pengajaran sendiri. Tambahan daripada itu, kekangan bahan ini bukan sahaja melibatkan jumlah bahan yang terhad namun ia juga melibatkan masalah kesesuaian kandungan dengan aktiviti PdP abad ke-21 yang ingin dijalankan. Selain itu, ada juga guru yang berpendapat bahawa sumber bahan memang tidak di sediakan oleh pihak jabatan dan pihak sekolah. Hal ini mendorong kepada kebergantungan sepenuhnya terhadap guru dalam menyediakan bahan pengajaran abad ke-21. Situasi ini juga mendorong kepada guru terpaksa menggunakan bahan yang sama dalam setiap sesi PdP atas sebab kekurangan masa dalam penyediaan bahan. Pada akhirnya, PdP abad ke-21 tidak dapat dilaksanakan secara optimum kerana guru terikat dengan sumber bahan yang terhad. Hal ini dinyatakan oleh responden pertama dan keenam iaitu:

*“Ok kalau dalam bahasa Arab ni untuk PAK21 ni cabaran dia pertama kekurangan bahan la...maksudnya kebanyakan cikgu bahasa Arab sekarang kalau nak buat bahan-bahan PAK21 ni dia kena cipta sendiri, haa terlampau terhad bahan-bahan yang advance” (1:1) (R1)*

*“Yang menjadi masalah saya adalah kekurangan bahan kerana saya tak ada masa nak buat bahan baru...nak buat bahan baru tu boleh menggunakan teknologi tapi makan masa aa” (1:41) (R6)*

*“Contohnya macam apeni aa sumber bahan pengajaran tu memang tak disediakan daripada JAIP ke ataupun daripada KPM ke...maksudnya benda tu memang kita kena cari sendiri ataupun kita kena buat sendiri...aa jadi dari segi kekangan masa tu jadi penghalang jugak lah...dengan bahan dan sumber tadi tu” (1:74) (R6)*

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa guru bahasa Arab menghadapi cabaran bahan yang terhad dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di dalam kelas. Cabaran ini memerlukan usaha tambahan daripada guru untuk menyediakan dan mencipta sendiri bahan pengajaran yang bersesuaian serta pengorbanan masa dalam hal tersebut.

Seterusnya, subtema yang kedua ialah dana terhad. Menurut hasil dapatan, dana yang terhad juga merupakan cabaran untuk guru bahasa Arab dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Kekangan kewangan dan dana ini menyebabkan guru terbatasi dalam semua hal sama ada dalam penyediaan bahan

atau pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang kreatif dan inovatif itu sendiri. Tambahan daripada itu, guru juga menyatakan kesukaran dalam mencetak pelbagai bahan pembelajaran dalam keadaan yang banyak disebabkan peruntukan kewangan. Oleh itu, guru bahasa Arab hanya bergantung kepada bajet sekolah yang sedikit dalam menyediakan semua hal ini. Situasi ini mendorong guru-guru untuk menggunakan bahan sedia ada sahaja dan secara langsung menghadkan kreativiti guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Berdasarkan jawapan responden yang kelapan, kesembilan dan kesepuluh menyatakan hal ini iaitu:

*“Lepas tu dana, sebabnya kalau pakai fully semua pakai slide kalau takde dekat pelajar slide tu rugi jugak...slide pulak slide berwarna aa jadinya dana aa lepastu takde peruntukan untuk bahan pengajaran tu, masa pun terhad nak sediakan” (1:77) (R8)*

*“Lepas tu dan juga sekolah ni sumber kewangan dia terhad la...sebab kita hanya ada 2 bilik tayang, lepastu bilik komputer tu 1 kena booking...jadi terhad lah kan...walaupun untuk tingkatan 5 kalau kita nak guna memang aa untuk tingkatan 5 sahaja dalam kelas tu kita ada” (1:78) (R9)*

*“Bahan cetak pulak, kalau nak print banyak-banyak tu, kos sendiri. Sekolah ada bantu jugak, tapi tak selalu cukup” (1:80) (R10)*

Tuntasnya, dana yang terhad merupakan cabaran buat guru-guru bahasa Arab di SMAN Pahang dalam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Cabaran ini sekali gus membataskan dan menghalang guru bahasa Arab daripada menyediakan bahan pengajaran yang menarik dan juga pelaksanaan aktiviti PdP abad ke-21 itu sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa perlunya ada sokongan kewangan yang jelas supaya guru-guru ini mudah menjalankan PdP abad ke-21 seperti yang diharapkan.

### ***Masa dan Beban Tugas***

Pengkaji telah membahagikan tema ini kepada dua subtema utama. Subtema yang pertama ialah kekangan masa. Subtema yang kedua pula ialah beban kerja guru. Kedua-dua subtema ini akan dihuraikan secara terperinci melalui huraian di bawah.

Subtema yang pertama bagi tema masa dan beban tugas ialah kekangan masa. Menurut hasil dapatan, kekangan masa merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh guru-guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang. Hal ini demikian kerana untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ini, guru memerlukan masa yang lebih panjang dari sudut perancangan, penyediaan bahan bantu mengajar dan sebagainya. Guru bukan sahaja perlu merancang dan menyediakan bahan bantu mengajar, akan tetapi masa pengajaran di dalam kelas juga amat terhad untuk melaksanakan aktiviti PdP abad ke-21 tersebut. Tambahan pula, peruntukan masa mengajar bahasa Arab dalam seminggu juga amat sedikit. Hal ini menyebabkan masa untuk melaksanakan aktiviti PdP abad ke-21 tersebut terpaksa ditangguh atau di sambung ke hari yang lain. Selain itu, terdapat juga guru yang terpaksa menghadkan penggunaan kaedah yang kreatif dan inovatif ini disebabkan silibus yang wajib dihabiskan mengikut ketetapan. Hal ini telah dinyatakan oleh responden kedua, kelima dan kesebelas iaitu:

*“aa dari segi pengurusan masa, jadual yang telah ditetapkan contoh dalam 1 minggu tu ada 4 masa, jadi 4 masa untuk mengajar bahasa Arab tu sangatlah aa orang kata apa sulit untuk kita merancang...jika ada tugasan luar kita terpaksa skip 2 masa untuk 1 minggu tu” (1:27) (R2)*

*“Cabarannya adalah aa kekangan masa...sebab melaksanakan PAK21 ni bila kita tengok aktiviti dia tu memang memerlukan masa yang lebih daripada nak menyediakannya tu” (1:11) (R5)*

*“Ok kalau cabaran terbesar bagi ustazah sendiri lah, ustazah rasa untuk pelaksanaan PAK21 ni ialah masa...masa yang kita ada dengan silibes yang kita ada dan beban kerja yang kita ada...aa macam sekarang ni kita dah faham dah macam mana pelaksanaan PAK21 tu kan...cumannya untuk silibes yang kita ada sekarang ni aa dan masa yang kita ada tu macam tak berpadanan, macam tak padan masa mengajar tu” (1:22) (R11)*

Secara keseluruhannya, kekangan masa dari pelbagai aspek ini merupakan cabaran bagi guru bahasa Arab di SMAN Pahang dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di dalam kelas. Oleh itu, guru tidak dapat mengaplikasikan pendekatan ini secara optimum kerana keperluan masa yang panjang sering kali terpaksa dibatasi dan dihadkan dengan perkara lain.

Seterusnya, subtema yang kedua ialah beban kerja guru. Cabaran ini tidak boleh dipandang remeh kerana beban kerja guru yang berlebihan akan memberi kesan besar terhadap keupayaan mereka untuk melaksanakan PdP abad ke-21. Terdapat banyak tugasan yang perlu diselesaikan bukan sahaja tugasan hakiki sebagai seorang guru seperti

penyediaan RPH, perancangan aktiviti pembelajaran, malah tugas-tugas lain juga perlu dibuat seperti tugas pentadbiran, program sekolah dan sebagainya. Oleh yang demikian, keadaan ini akan menyebabkan masa dan tenaga guru tidak mencukupi dan pada akhirnya menyukarkan mereka untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelaksanaan PdP abad ke-21 yang inovatif. Hal ini telah dijelaskan oleh responden kedua dan kesebelas iaitu:

*“Kalau dalam profesion perguruan pulak beban kerja guru tinggi lah...jadi guru ni kurang masa nak merancang pengajaran yang inovatif kerana dibebani dengan tugas luar...aa jadi untuk bahasa Arab ni memerlukan penyediaan yang sangat teliti dari segi RPH nya, dari segi aktiviti nya jadi ia berkait dengan tugas luar ni dia mengganggu masa kita untuk merancang dan merencana aktiviti dalam kelas” (1:5) (R2)*

*“Selain daripada tu kita pun memang kena buat persediaan awal lah sebenarnya aa dan terganggu jugak dengan kerja-kerja yang ada lagi haa macam tu lah...rasa macam tak sempat nak sediakan banyak benda” (1:84) (R11)*

Rumusannya, beban kerja yang tinggi dalam kalangan guru bahasa Arab di SMAN Pahang menjadi salah satu cabaran dalam pelaksanaan PdP abad ke-21. Hal ini kerana dengan beban kerja yang banyak akan membataskan masa dan tenaga guru yang sepatutnya digunakan sepenuhnya pada penyediaan PdP abad ke-21, namun disalurkan pada tugas-tugas lain sekali gus menjadikan pelaksanaan PdP abad ke-21 tersebut kurang menyeluruh.

### **Fasiliti dan Teknologi**

Terdapat dua subtema yang terhasil daripada analisis. Subtema yang pertama ialah fasiliti terhad. Subtema yang kedua ialah peralatan teknologi terhad. Kedua-dua subtema ini mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab di SMAN Pahang dalam mengaplikasikan PdP abad ke-21. Pengkaji akan menghuraikan subtema ini secara terperinci melalui huraian di bawah.

Subtema yang pertama bagi tema ini ialah fasiliti terhad. Menurut hasil dapatan, guru bahasa Arab menekankan bahawa kekurangan fasiliti menjadi salah satu cabaran besar untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Hal ini kerana PdP abad ke-21 yang saling berkait rapat dengan penggunaan teknologi ini memerlukan fasiliti yang serba lengkap dari segi peralatan, kemudahan, tempat dan sebagainya. Guru juga berpendapat bahawa, disebabkan fasiliti yang terhad mereka terpaksa berebut atau membuat sistem giliran untuk menggunakan kelas atau bilik tayangan yang mana ia lebih sesuai untuk dijalankan aktiviti PdP abad ke-21 di situ. Disebabkan keadaan ini, guru tidak selalu mendapat akses kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti PdP abad ke-21 yang berasaskan teknologi lebih-lebih lagi buat guru bahasa Arab yang sering dianggap kurang memerlukan penggunaan teknologi dalam PdP secara intensif. Oleh yang demikian, situasi ini menggambarkan bahawa fasiliti yang ada di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang amatlah terhad untuk para guru dalam melaksanakan PdP abad ke-21. Seperti yang telah dinyatakan oleh responden ketiga, kelapan dan kesebelas iaitu:

*“Cumannya disebabkan kekurangan, faktor fasiliti yang kurang di sekolah ni kalau di sekolah lain tu mungkin la takde masalah kan...untuk peringkat sekolah ni penggunaan teknologi tu agak terhad” (1:43) (R3)*

*“Ok selalunya kalau PdP orang panggil PAK21 ni kan dia nak guna teknologi...ok kalau dekat khairiah ni ada dua je bilik media...aa dua je bilik media yang ada kemudahan LCD...jadinya nak kena berebut kadang-kadang dia bertembung masa sebab ada subjek lain nak guna jugak...haa jadinya ada masa tak dapat...itu yang pertama kekurangan fasiliti.” (1:16) (R8)*

*“Pastu fasiliti yang kita ada sekarang ni pun walaupun ada tapinya terhad...memang selalunya berebut la juga cikgu nak guna kan bilik tayang apa semua tu...jadi kita pun kurang lah pelaksanaan PAK21 tu” (1:82) (R11)*

Secara keseluruhannya, fasiliti yang terhad telah menyekat dan menghalang guru daripada mengoptimalkan penggunaan teknologi dalam sesi PdP khususnya buat guru-guru bahasa Arab. Hal ini sekali gus memberi kesan langsung kepada keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di dalam kelas.

Subtema yang kedua bagi tema fasiliti dan teknologi ialah peralatan teknologi terhad. Dapatan menunjukkan bahawa guru menghadapi keterbatasan akses kepada peralatan teknologi yang moden khususnya di SMAN Pahang. Peralatan teknologi seperti komputer, LCD, visualizer mahupun smartboard amat kurang bahkan tidak ada di sebahagian sekolah. Terdapat sekolah yang mempunyai peralatan tersebut, namun perlu bergilir-gilir untuk menggunakannya dan perlu membuat tempahan. Hal ini menunjukkan peralatan teknologi di SMAN Pahang amat terhad dan secara tidak langsung membataskan kreativiti guru untuk melaksanakan pengajaran interaktif walaupun guru tersebut mempunyai kemahiran dan bahan untuk digunakan. Keadaan ini menggambarkan bahawa keterbatasan peralatan teknologi menjadi penghalang buat guru-guru bahasa Arab di SMAN Pahang untuk melaksanakan PdP

abad ke-21 di dalam kelas. Hal ini dapat dibuktikan melalui jawapan responden ketiga, keempat dan keenam iaitu:

*"Yang pertama sekali penggunaan teknologi yang mana dekat sekolah ni kita boleh katakan dari sudut teknologi tu agak kurang lah...bukanlah takde langsung tapi ada...tapi bukan semua kelas ada teknologi tersebut lah...maksudnya penggunaan teknologi dalam sudut sekolah ni agak kurang lah" (1:6) (R3)*

*"Yang pertama kekurangan prasarana lah...macam yang saya sebut tadi, kemudahan teknologi yang moden...contohnya macam LCD, visualizer ataupun smartboard lah...yang tu smartboard langsung takde aa LCD ada tapi hanya beberapa tempat sahaja yang boleh diakses...dan itupun memerlukan kepada booking lah" (1:71) (R4)*

*"Kalau dari segi personal kalau benda tu ada bagi saya takde masalah tapi dari segi nak kata benda tu tak ada jadi saya nak laksanakan PdP abad ke-21 tu macam susah sikit lah" (1:48) (R6)*

Oleh itu, dengan peralatan teknologi yang terhad ini sememangnya menyukarkan guru untuk mengaplikasikan pengajaran interaktif di dalam kelas. Lebih-lebih lagi di era pendidikan zaman ini yang semuanya berkait dengan teknologi, amatlah penting bagi setiap sekolah mempunyai peralatan teknologi yang mencukupi dan boleh digunakan dengan baik.

## Perbincangan

Secara keseluruhannya, guru bahasa Arab menghadapi pelbagai bentuk cabaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Ini berdasarkan hasil temubual yang telah dijalankan bersama 12 orang guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang. Dapatan menunjukkan bahawa, aspek cabaran ini dapat dirumuskan kepada tiga tema utama iaitu kekangan sumber dan bahan, masa dan beban tugas, serta fasiliti dan teknologi.

Bagi tema yang pertama iaitu kekangan sumber dan bahan, majoriti guru bahasa Arab di SMAN Pahang menghadapi cabaran ini. Hal ini berdasarkan jawapan temubual oleh guru bahasa Arab yang rata-rata mengatakan kekurangan bahan pengajaran yang relevan untuk mengaplikasikan PdP abad ke-21. Kebanyakan bahan hanya terdiri daripada jenis bahan yang lama seperti buku teks, buku latihan dan sebagainya. Dapatan juga menjelaskan kekurangan sumber dan bahan ini terbahagi kepada dua perkara iaitu bahan yang terhad dan dana yang terhad. Perkara ini membentuk sebuah tema iaitu kekangan sumber dan bahan sekali gus menjadi cabaran buat guru bahasa Arab di SMAN Pahang. Kajian yang dilakukan oleh Murugayya & Nachiappan (2022) juga melaporkan perkara yang sama iaitu selain buku teks, bahan rujukan lain amat sukar diperolehi. Ringkasnya sumber dan bahan dari pelbagai bentuk adalah tidak mencukupi untuk aktiviti praktikal dalam PdP. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa, cabaran ini harus ditangani dengan segera agar pelaksanaan PdP abad ke-21 dapat dijalankan dengan lancar.

Seterusnya, tema yang kedua iaitu berkenaan dengan cabaran masa dan beban tugas yang tinggi kepada guru bahasa Arab. Dapatan menunjukkan bahawa guru bahasa Arab menghadapi cabaran dari sudut kekangan masa. Hal ini kerana dalam melaksanakan PdP abad ke-21 masa yang diperuntukkan dalam satu sesi tidak boleh terlalu singkat. Menurut guru bahasa Arab, mereka tidak sempat untuk menghabiskan PdP, namun masa mengajar telah tamat. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Omar et al. (2017) yang menyatakan bahawa guru kerap menghadapi kekangan masa dan sumber apabila ingin menghasilkan atau menjalankan aktiviti dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang telah disediakan. Di samping itu, beban kerja guru yang tinggi juga menjadi cabaran buat guru dalam melaksanakan PdP abad ke-21. Dapatan ini turut dinyatakan dalam kajian yang dilakukan oleh Ishak & Rusman (2018) iaitu beban tugas yang tinggi memberi kesan negatif kepada prestasi kerja guru jika persekitaran kerja terlalu tertekan dengan tugas lain. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa peruntukan masa mengajar harus ditambah oleh pihak pentadbir dan mengurangkan beban tugas guru selain tugas hakikinya iaitu mengajar.

Selain itu, tema ketiga yang terkait dengan aspek cabaran guru ialah fasiliti dan teknologi. Berdasarkan hasil dapatan, terdapat dua pecahan daripada tema fasiliti dan teknologi ini iaitu fasiliti yang terhad dan peralatan teknologi terhad. Dua perkara ini membentuk sebuah cabaran di bawah tema fasiliti dan teknologi. Menurut jawapan temubual guru bahasa Arab, hampir kesemua guru menyatakan cabaran yang terkait dengan fasiliti dan teknologi ini. Hal ini kerana untuk melaksanakan PdP abad ke-21, antara perkara utama yang perlu dilihat adalah fasiliti. Fasiliti ini termasuk aspek keadaan kelas, kemudahan yang ada di dalam kelas, bilik media, *smart classroom*, peralatan dan sebagainya. Selain itu, aspek teknologi harus diberi perhatian kerana untuk melaksanakan aktiviti

pengajaran yang lebih interaktif dan inovatif di zaman ini, ia cenderung kepada penggunaan bahan digital dan internet. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Hasin et al. (2022) yang menyatakan bahawa tidak semua sekolah mempunyai fasiliti digital yang cukup, masalah akses internet dan kesiapsiagaan guru serta pelajar dalam penggunaan pembelajaran digital. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan bahawa, bagi memastikan pendidikan di SMAN Pahang ini seiring dengan perkembangan pendidikan semasa, langkah penambahbaikan perlu di ambil demi meningkatkan mutu PdP bahasa Arab.

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji melihat terdapat beberapa implikasi terutamanya terhadap guru, pentadbiran sekolah dan Jabatan Agama Islam Pahang selaku badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan Sekolah-Sekolah Menengah Agama di Negeri Pahang. Antara implikasi kajian ini terhadap guru bahasa arab ialah kesedaran tentang pembangunan profesionalisme keguruan. Guru bahasa Arab boleh memperbaiki dari aspek kekurangan diri dan meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dalam pelbagai bidang sama ada kemahiran pedagogi mahupun kemahiran dalam pengendalian bahan teknologi. Selain itu, berdasarkan dapatan, pihak pentadbir sekolah dilihat perlu membuat perubahan dengan menjadi lebih proaktif dalam menyokong keperluan guru bahasa Arab. Contohnya, isu bahan pengajaran, tempoh waktu mengajar dan sebagainya. Akhir sekali, implikasi yang dapat dilihat daripada pihak JAIP ialah perlu kepada penyediaan sokongan yang sistematik dan komprehensif untuk guru-guru bahasa Arab di SMAN Pahang. Dengan langkah penambahbaikan yang dibuat, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh di semua SMAN Pahang.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang berdepan pelbagai cabaran dalam melaksanakan PdP abad ke-21, khususnya dari aspek kekangan sumber dan bahan, masa dan beban tugas yang tinggi, serta keterbatasan fasiliti dan teknologi. Kekurangan bahan pengajaran relevan, masa PdP yang terhad, tugas sampingan guru yang banyak, serta peralatan teknologi yang tidak mencukupi telah membataskan keupayaan guru untuk melaksanakan PdP yang interaktif, kreatif dan berpusatkan pelajar. Oleh itu, penambahbaikan dari sudut sokongan sumber, pengurusan masa, penyediaan latihan, serta peningkatan fasiliti dan teknologi amat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan PdP abad ke-21 dapat dijalankan secara lebih berkesan dan selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa perlunya ada kajian lanjutan disebabkan terdapat beberapa batasan dalam kajian ini seperti lokasi kajian yang terhad di negeri Pahang, peserta kajian dan pendekatan kajian yang digunakan. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik akan datang. Antaranya ialah kajian lanjutan boleh diperluas dengan melibatkan lokasi kajian yang berbeza seperti di SMAN daerah yang lain atau di negeri-negeri yang lain. Sebagai tambahan, kajian akan datang juga boleh diperluas ke jenis sekolah yang lain seperti sekolah swasta, SMKA dan sebagainya. Seterusnya, kajian lanjutan boleh dilaksanakan kepada pelajar bagi melihat perspektif mereka terhadap cabaran yang mereka hadapi ketika pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 berlangsung terutamanya dari segi komunikasi, kolaborasi, peluang, penggunaan teknologi. Akhir sekali, pengkaji mencadangkan penyelidik akan datang membuat pendekatan kajian yang berbeza seperti kajian lanjutan berbentuk pembangunan modul khas atau intervensi berpandukan dapatan yang telah diperoleh dalam kajian ini bagi memudahkan guru bahasa Arab melaksanakan PdP abad ke-21.

## Rujukan

- Abang Tar, D. J., & Mahmud, M. I. (2021). Minat, tingkah laku disruptif dan gaya pembelajaran murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 49–64.
- Amini, M., Ravindran, L., & Lee, K.-F. (2024). Adapting education shifts in Malaysia after Covid-19: A comprehensive review of flexible assessments, lifelong learning initiatives, and diversified learning trajectories. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 14(1), 1–14.
- Amzah, F., Ling, P. S., & Ismail, A. (2024). Pengaruh komuniti pembelajaran profesional terhadap amalan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 dalam kalangan guru Matematik: Satu pemikiran semula. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1), 203–224.
- Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Mohd Yusoff, K., & Ab Rahman, M. R. (2022). Isu dan cabaran

- pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23–32.
- Inani Mohd Saad, A., Hamid, N. Z., & Solahudin, N. (2024). Kajian pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PBP) oleh pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Pusat Anak Permata Negara (PAPN). *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 1–15.
- Ishak, R., & Rusman, S. N. F. (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: Kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 1–15.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya.
- Khahro, S. H., & Javed, Y. (2022). Key challenges in 21st century learning: A way forward towards sustainable higher educational institutions. *Sustainability*, 14, 16080, 1–19.
- Lim, G. F. C., Abdul Jalil, N., Awang Hidup, D. S., & Omar, M. (2024). Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan: Cabaran guru. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 8(1), 49–67.
- Mad Nordin, A. S., Alias, B. S., & Mahamod, Z. (2023). Pendigitalan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM)*, 1(1), 66–73.
- Mailis, M. I. (2021). *Pengetahuan dan proses pengajaran guru terhadap elemen dalam pembelajaran abad ke-21* (Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Murugayya, C., & Nachiappan, S. (2022). Analisis pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Sains di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Daerah Kinta Utara, Perak. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 12(1), 82–92.
- OECD. (2018). *The future of education and skills: Education 2030*. OECD Publishing.
- Omar, M. S., Saad, N. S., & Dollah, M. U. (2017). Penggunaan bahan bantu mengajar guru Matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 7(1), 32–46.
- Razaly, N. A. A. (2019). *Kesediaan guru melaksanakan pendidikan abad ke-21* (Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Razif Zaini, A., Zakaria, N., Hamdan, H., Redzaudin Ghazali, M., & Rufian Ismail, M. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57.
- Sahlberg, P. (2011). PISA in Finland: An education miracle or an obstacle to change? *C.E.P.S Journal*, 1(3), 119–138.
- Shalikin, N. H. M. (2024). Kepelbagaian pendekatan pengajaran dalam kalangan guru mata pelajaran Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 5(1), 23–33.
- UNESCO. (2015). *Rethinking education: Towards a global common good?* UNESCO Publishing.